

Kertas Bil. 4/2016



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN IMPAK TRANS PACIFIC
PARTNERSHIP AGREEMENT (TPPA) TERHADAP
SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI (STATE OWNED
ENTERPRISE (SOE)**

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN IMPAK TRANS PACIFIC PARTNERSHIP AGREEMENT (TPPA) TERHADAP SYARIKAT MILIK KERAJAAN NEGERI (STATE OWNED ENTERPRISE (SOE))

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama (Pembukaan), Penggal Keempat, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2016 pada 28 Mac-1 April dan 4-8 April 2016.

2. OBJEKTIF PENYATA

Objektif penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) adalah untuk membuat laporan awal impak *Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA)* terhadap syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor. *State Owned Enterprise (SOE)* di bawah bab SOE dalam TPPA didefinisikan sebagai mana-mana entiti yang menjalankan aktiviti komersial untuk tujuan membekalkan perkhidmatan awam. Bagi tujuan penyediaan penyata ini, JP-ABAS telah merujuk kepada teks utama perjanjian *Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA)* dan juga *Annex 15-A*, *Annex IV* perjanjian *Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA)* serta statistik kes-kes *Investor-Dispute State Settlement (ISDS)* di peringkat antarabangsa.

3. AHLI JAWATANKUASA

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han
(ADN Kawasan Kinrara) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif
(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli |

- | | |
|--|------|
| 5. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail
(ADN Kawasan Batu Tiga) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi
(ADN Kawasan Sabak) | Ahli |
| 7. Y.B. Puan Yeo Bee Yin
(ADN Kawasan Damansara Utama) | Ahli |

4. TAKLIMAT TERTUTUP DAN RUNDINGAN MEJA BULAT

JP-ABAS telah mengadakan dua taklimat tertutup dan rundingan meja bulat pada 2 Februari 2016 (Selasa) dan 17 Februari 2016 (Rabu) bagi mendengar taklimat mengenai latar belakang TPPA dan impak TPPA terhadap syarikat milik Kerajaan Negeri. Wakil-wakil daripada *Institute of Strategic and International Studies* (ISIS), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia (KPDKKK), Kementerian Kewangan (MOF) dan Third World Network (TWN) hadir untuk memberikan keterangan.

Saksi/Pegawai Yang Hadir Untuk Memberi Keterangan

Jabatan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang dijemput pada 2 Februari 2016 (Selasa) adalah seperti berikut:

1. Puan Norhinnah binti Abdul Latif
Penolong Setiausaha Kementerian Kewangan (MOF)
2. Encik Firdaos bin Rosli
Ahli Ekonomi *Institute of Strategic and International Studies* (ISIS)
3. Encik Arunan Kumaran
Ketua Penolong Pengarah Kanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia (KPDKKK)

Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menyampaikan taklimat mengenai impak TPPA terhadap syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor pada 17 Februari 2016 (Rabu) adalah seperti berikut:

1. Encik Fauwaz bin Abdul Aziz
Third World Network (TWN)
2. Puan Sanya Reid Smith
Third World Network (TWN)

5. KETERANGAN SAKSI/PEGAWAI

5.1 Keterangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia (KPDNKK)

1. Terdapat 30 bab di bawah TPPA termasuk bab syarikat milik kerajaan (SOE) yang menekankan persaingan sama rata di antara syarikat milik kerajaan dengan syarikat swasta di pasaran.
2. Ambang pengecualian (*threshold*) yang termaktub menurut bab SOE di dalam TPPA, ialah hanya untuk syarikat milik kerajaan yang mempunyai pendapatan tahunan kurang daripada *Special Drawing Rights (SDR)* 500 juta¹.
3. TPPA memberikan impak langsung kepada syarikat milik Kerajaan Pusat. Tetapi, syarikat milik Kerajaan Negeri (SOE) hanya berhadapan dengan impak tidak langsung kerana Kerajaan Negeri tidak tertakluk kepada TPPA.
4. Prinsip ketelusan dan dasar transparensi diterapkan dan terangkum dalam setiap bab TPPA.
5. Syarikat milik Kerajaan Pusat yang berstatus Bumiputera mendapat pengecualian khusus berdasarkan TPPA. Pengecualian khusus ini membenarkan syarikat milik Kerajaan Pusat yang berstatus Bumiputera untuk memperuntukkan pembelian barang dan perkhidmatan daripada syarikat perusahaan kecil dan sederhana (SME) Bumiputera serta syarikat-syarikat Sabah dan Sarawak sebanyak 40% daripada pendapatan tahunan mereka.
6. Kadar 40% ini tidak terpakai untuk Majlis Amanah Rakyat (MARA), Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Institusi-institusi ini boleh memperuntukkan sehingga 100% pembelian barang dan perkhidmatan kepada syarikat Bumiputera.
7. Institusi kewangan lain yang dikecualikan daripada bab SOE di bawah TPPA termasuk FELDA Global Ventures, PETRONAS, Khazanah.
8. Institusi-institusi lain seperti Lembaga Tabung Haji, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pekerja (KWAP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dikecualikan daripada memenuhi obligasi pertimbangan komersial (*commercial consideration*) di bawah TPPA.

¹ *Special Drawing Rights (SDR)* ialah purata lima nilai matawang terbesar di dunia menurut kiraan Bank Dunia (International Monetary Fund). Buat masa ini (Februari 2016), 1 SDR=RM5. Rujuk pautan ini: <http://www.imf.org/external/np/exr/facts/sdr.htm>

5.2 Keterangan *Institute of Strategic and International Studies (ISIS)*

1. *Investor-State Dispute Settlement (ISDS)* hanya memberikan hak undang-undang (*legal rights*) kepada pelabur untuk menyaman sesebuah kerajaan di peringkat Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa.
2. Di bawah *Dispute Settlement Mechanism (DSM)*, pihak yang bertanggungjawab perlu melalui tiga peringkat secara rasmi sebelum DSM dapat digunakan. Kaedah resolusi pertikaian ini ialah lebih birokratik daripada ISDS.

5.3 Keterangan Kementerian Kewangan (MOF)

1. Bab SOE di bawah TPPA bertujuan memberikan insentif kepada syarikat-syarikat milik kerajaan mempunyai polisi tadbir urus korporat yang baik.
2. Implementasi tadbir urus korporat akan meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri.

5.4 Keterangan *Third World Network (TWN)*

1. Di bawah bab *Sanitary and Phytosanitary (SPS)* di dalam TPPA, Artikel 7.3.2 tidak menerangkan dengan jelas sama ada piawaian *halal* yang hendak diguna pakai berkaitan dengan makanan ataupun minuman. Selain itu, Artikel 7.3.2 tidak menerangkan dengan jelas sama ada piawaian *halal* Malaysia yang lebih tinggi hendaklah diguna pakai ataupun piawaian *halal* negara Amerika Syarikat yang lebih rendah. Pengecualian ini hanya berkaitan dengan bab (SPS) apabila bab *Technical Barriers to Trade (TBT)* akan menimbulkan masalah dalam pentafsiran *halal*.
2. Di bawah bab *Cross Border Trade in Services*, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri hendaklah memberikan peluang pasaran penawaran pembekalan dan perkhidmatan kepada negara-negara TPPA yang lain kecuali jika sesuatu pembekalan ataupun perkhidmatan yang ditawarkan dikecualikan dalam senarai pengecualian *Annex I and II*.
3. Di bawah bab Pelaburan di dalam TPPA, hak pelabur asing termaktub di bawah tafsiran yang luas. Mengikut statistik kes menang saman yang dikeluarkan oleh ISDS secara umum pihak kerajaan akan mengalami kekalahan dan terpaksa menanggung kos yang melibatkan berjuta-juta USD.² Antara senarai nama kes-kes ISDS yang berakhir dengan kekalahan pihak kerajaan adalah seperti berikut:

² <http://www.iisd.org/itn/wp-content/uploads/2015/06/itn-breaking-news-june-2015-isds-who-wins-more-investors-or-state.pdf>.

- 1) *Metalclad v Mexico*
 - 2) *AbitibiBowater v Canada*
 - 3) *St Mary's v Canada*
 - 4) *Mobil Investments and Murphy Oil v Canada*
 - 5) *Clayton and Bilcon v Canada*
 - 6) *Vattenfall v Germany (I)*
 - 7) *Suez and InterAguas v Argentina*
 - 8) *AIG V Kazakhstan*
 - 9) *Sedelmayer v Russia*
4. Di bawah bab Pelaburan juga, tidak wujudnya obligasi keperluan prestasi (“performance requirement”) di bawah TPPA terhadap pelabur asing. Tetapi, obligasi keperluan prestasi (“performance requirement”) ini dibenarkan untuk mana-mana sektor dalam negara Malaysia yang menerima pengecualian di bawah *Annex I and II*. Ini bermakna tidak ada kewajipan untuk pelabur asing melakukan pemindahan teknologi dan kemahiran kepada negara-negara TPPA yang lain.
5. Hanya Kerajaan Pusat tertakluk di bawah bab Perolehan Kerajaan. Namun begitu, tiga tahun selepas TPPA dikuatkuasakan, Kerajaan Negeri mempunyai obligasi di bawah TPPA untuk memulakan proses rundingan untuk membuka proses tender terbuka kepada negara-negara TPPA yang lain.

6. PENEMUAN JAWATANKUASA

1. Syarikat milik Kerajaan Negeri tidak tertakluk kepada obligasi di bawah bab SOE TPPA kerana pendapatan tahunan SDR 500 juta ke bawah. Namun begitu, obligasi di bawah bab TPPA yang lain memberikan kesan tidak langsung kepada syarikat milik Kerajaan Negeri. Contohnya, undang-undang hak cipta bawah TPPA memudahkan penambahan pemilikan paten syarikat luar untuk biji benih. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mungkin mengalami kesan tidak langsung berikutan kenaikan harga biji benih yang berkemungkinan besar naik mendadak.
2. Oleh sebab terdapatnya hanya 40% layanan keutamaan (*preferential treatment*) yang diberikan kepada Bumiputera di bawah TPPA, akan wujudnya lebih banyak persaingan untuk mendapatkan tender penawaran perkhidmatan kepada agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Pusat. Hal ini bermakna, syarikat milik Kerajaan Negeri perlu menjadi lebih kompetitif untuk memenangi tender-tender tersebut.
3. Walaupun bab “Cross Border Trade in Services” di bawah TPPA mungkin meningkatkan kompetensi dan daya saing SOE Kerajaan Negeri, tetapi memandangkan kebanyakan daripada SOE Kerajaan Negeri Selangor

terutamanya Pemerbadanan Menteri Besar (MBI), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Yayasan Selangor mengalami kerugian. Besar kemungkinan, SOE Kerajaan Negeri tidak mampu bersaing dengan syarikat-syarikat pelabur asing yang lebih kompetitif dalam penawaran perkhidmatan.

4. Tambahan pula, piawaian *halal* yang diguna pakai untuk semua negara TPPA tidak begitu jelas. Oleh kerana ini, SOE Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) Selangor yang menubuhkan *halal hub* di Pulau Indah mungkin akan terjejas kerana piawaian *halal* yang digunakan mungkin berpandukan piawaian *halal* yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat yang jauh lebih longgar.
5. Kerajaan Malaysia tidak boleh mengenakan “performance requirement”, maka SOE Kerajaan Negeri tidak mampu meningkatkan daya saing mereka kerana tiadanya kewajipan pemindahan teknologi dan kemahiran daripada pelabur asing.
6. Namun, Kerajaan Negeri boleh memberikan layanan keutamaan kepada syarikat milik Kerajaan Negeri kerana tidak tertakluk kepada bab SOE dan juga bab Perolehan Kerajaan.
7. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kewajipan untuk membuka rundingan di bawah bab Perolehan Kerajaan kepada negara-negara TPPA yang lain untuk tender terbuka.
8. Jawatankuasa mendapati tidak banyak syarikat di peringkat Kerajaan Negeri mahupun di peringkat Kerajaan Pusat yang mempunyai SDR 500 juta. Oleh itu, pengecualian yang diberikan sebenarnya tidak banyak menukar status SOE di negara kita mahupun menjadikan SOE kita lebih kompetitif kerana kebanyakannya masalah implementasi tadbir urus korporat berlaku pada peringkat SME.

7. PENDIRIAN MINORITI (ADN DENGKIL)

1. Ahli Jawatankuasa (ADN Dengkil) menyokong penuh TPPA.
2. TPPA akan memberikan akses pasaran kepada lebih daripada 800 juta penduduk negara TPPA.
3. TPPA akan meningkatkan daya saing syarikat milik kerajaan.

8. SARANAN JAWATANKUASA

1. TPPA dijangka akan memberikan impak yang mendalam dan meluas terhadap SOE Kerajaan Negeri. Namun, memandangkan Kerajaan Pusat telah menandatangani perjanjian TPPA, JP-ABAS mengambil berat dan berasa khuatir mengenai impak TPPA terhadap SOE Kerajaan Negeri.
2. Walaupun Kerajaan Negeri tidak tertakluk kepada TPPA, namun begitu, prinsip ketelusan dan dasar transparensi di dalam TPPA hendaklah dipatuhi oleh syarikat milik Kerajaan Negeri.
3. Memandangkan TPPA akan meningkatkan persaingan, syarikat milik Kerajaan Negeri terutamanya MBI, PKPS dan Yayasan Selangor hendaklah membuat kajian yang teliti dan mendalam bagi menghadapi cabaran yang bakal dihadapi. Maka, Kerajaan Negeri membuat langkah reaktif daripada terpaksa menjamin (bail out) syarikat-syarikat tersebut.
4. Kerajaan Negeri dan setiap SOE milik Kerajaan Negeri wajiblah melaksanakan satu kajian impak langsung dan tidak langsung antara TPPA dan SOE Kerajaan Negeri yang bakal menghadapi cabaran.
5. Kerajaan Negeri hendaklah mengambil bahagian secara proaktif dalam rundingan ratifikasi TPPA dengan melantik agensi ataupun wakil terutamanya apabila Kerajaan Negeri membuka rundingan tender terbuka di bawah bab Perolehan Kerajaan.
6. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan piawaian *halal* diperjelaskan dan berdasarkan piawaian *halal* yang ditetapkan oleh negara Malaysia (contohnya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)) dan bukannya piawaian halal yang ditentukan Amerika Syarikat dan negara lain.

9. PENUTUP

1. Jawatankuasa ini ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai Kerajaan Pusat dan wakil-wakil daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
2. Semoga segala saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sekian, terima kasih.

Penyata ini disediakan oleh Y.B Tuan Haji Saari bin Sungib (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada hari Khamis, 25 Februari 2016.

Disahkan oleh:



.....

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat
(JP-ABAS)

AHLI JAWATANKUASA YANG HADIR

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han
(ADN Kawasan Kinrara) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif
(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli |
| 5. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail
(ADN Kawasan Batu Tiga) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi
(ADN Kawasan Sabak) | Ahli |
| 7. Y.B. Puan Yeo Bee Yin
(ADN Kawasan Damansara Utama) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- iv) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- v) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker
- vi) Cik Nur Adilla binti Abdul Rahim
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker